

UCAPAN Y.A.B. DATUK HUSSEIN ONN,
PERDANA MENTERI DI PERJUMPAAN DENGAN
AHLI-AHLI DEWAN UNDANGAN, WAKIL-WAKIL
RAKYAT, KETUA-KETUA JABATAN DAN
PEGAWAI-PEGAWAI PENTADBIR NEGERI
DI DEWAN UNDANGAN JOHOR, JOHOR BAHRU,
PADA 17HB APRIL, 1976, JAM 2.00 PETANG

Saudara-saudara sekalian,

Saya bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana dapat bersama-sama hadir di Perjumpaan petang ini, yang telah diator sempena dengan lawatan resmi saya ke negeri Johor. Saya sukalah mengucapkan terimakasih kepada saudara sekalian kerana dapat melapangkan masa, dan khasnya kepada Y.A.B. Tan Sri Datuk Haji Othman Saat yang bersusah payah mengaturkan majlis ini.

...2/-

2. Saya merasa majlis yang diadakan petang ini amatlah penting menjelang Negara melancarkan Rancangan Malaysia Ketiga. Kita membuat segala persiapan dan persediaan supaya pelaksanaan projek dan rancangan ini kelak akan dapat diselenggarakan dengan lebih licin dan sempurna.

3. Sebagai pemimpin ^{dan} ~~dan~~ anggota Kerajaan dan pentadbiran, adalah mustahak bagi kita mengemaskan jentera kita samada di peringkat negeri atau daerah, serta mempunyai persefahaman untuk menyatupadukan usaha dan menggembelingkan tenaga bagi menjayakan projek yang telah diluluskan. Sebagai Wakil Rakyat dan pentadbir, adalah perlu kita mendampingi rakyat dan memberikan perkhidmatan jujur dan tulus ikhlas dengan lebih berkesan lagi. Kita hendaklah memahami kesulitan rakyat dan seberapa boleh, cuba menyelesaikan masalah mereka.

4. Harapan rakyat amatlah tinggi tetapi kebolehan dan kemampuan kita terbatas. Oleh itu, hendaklah kita, pada setiap masa, memberikan perkhidmatan dan bantuan kita kepada mereka supaya mereka tidak keciwa.
5. Kita mesti mendapatkan keyakinan dan kepercayaan rakyat supaya mereka sentiasa boleh memberi kerjasama dan sokongan mereka kepada Kerajaan. Kita haruslah ingat bahawa segala tindak-tanduk dan tingkah-laku kita sentiasa dalam perhatian ~~dan~~ rakyat, khasnya kakitangan Jabatan kita sendiri, akan mengikut contoh tauladan yang baik dari kita sebagai panduan kepada mereka.

Saudara-saudara,

6. Seperti kita maklum, Rancangan Malaysia Kedua adalah bertujuan menghapuskan kemiskinan tanpa mengira kaum, dan merapatkan jurang perbezaan ekonomi di kalangan rakyat yang berbilang kaum, di samping menyusun semula masyarakat. Projek-projek di bawah Rancangan ini telah banyak dilaksanakan, dan pada keseluruhannya Rancangan ini telah pun mencapai hasil dalam usaha merintis jalan untuk kemajuan pembangunan yang lebih pesat lagi.

7. Rancangan Malaysia Ketiga, yang merupakan lanjutan kepada Rancangan Malaysia Kedua, akan memperhebatkan lagi projek-projek terutama di kawasan-kawasan atau negeri yang kurang maju, supaya rakyat di luarbandar akan menikmati taraf hidup yang lebih sempurna. Strateji Rancangan Malaysia Ketiga ialah supaya pembangunan dapat meliputi keseluruhan negara, dan kekayaan negara dapat dirasakan oleh rakyat dengan cara yang lebih adil dan saksama. ^{Perpaduan} Keselamatan dan ketahanan adalah falsafah rancangan ini.

8. Matlamat pembangunan, dalam jangka masa lima tahun yang akan datang ini, akan terus merupakan cabaran, memandangkan keadaan keselamatan yang kita hadapi sekarang ini, dan perlunya diberikan perhatian sewajarnya terhadap soal pertahanan dan keselamatan.

9. Usaha-usaha akan dipergiatkan dengan seberapa banyak yang boleh dalam pembukaan tanah-tanah, tanaman baru dan tanaman semula getah, membanyakkan dan memperbaiki lagi kemudahan tali air, dan menyediakan kemudahan. Perkhidmatan pinjaman dan pemasaran serta lain-lain kemudahan yang diperlukan oleh petani-petani dan pekebun-pekebun kecil *juga ditambah.* Rancangan-rancangan seperti mengadakan lebih banyak rumah-rumah murah dalam kemampuan orang miskin, kemudahan pelajaran, kesihatan, bekalan air dan letrik, yang boleh memberi faedah, bukan sahaja rakyat di kawasan-kawasan luar bandar, bahkan mereka yang berpendapatan rendah, seperti pekerja ladang dan penduduk pekan dan bandar, akan dilaksanakan.

10. Rancangan Malaysia Ketiga juga akan terus menitikberatkan penyusunan semula permodalan saham serta menggalakkan penyertaan yang lebih banyak bagi kaum Bumiputra dalam lapangan perdagangan dan perusahaan. Badan-badan berkanun, seperti PERNAS, UDA, MARA dan Perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri akan terus memainkan peranan penting mereka dalam kegiatan ekonomi di bidang swasta.

11. Kerajaan akan sedaya upayanya memberi keistimewaan kepada negeri-negeri yang kurang maju bagi menjamin rancangan yang telah disusun untuk mencegah kemiskinan dan meninggikan lagi tingkat kemajuan dalam negeri-negeri tersebut ^{supaya} dapat dilaksanakan dengan sempurna.

12. Dalam hubungan ini, adalah perlu bagi Kerajaan-kerajaan Negeri sendiri mengambil inisiatif utama, untuk ~~membuat perubahan sistem pentadbiran bagi mengemaskan lagi jentera pentadbiran di semua peringkat~~ ^{bagi} ~~untuk~~ menjamin ~~supaya pelaksanaan rancangan dan projek ini~~ dapat berjalan dengan lancar dan licin.

13. Pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru akan terus dipergiatkan, terutama yang melibatkan bidang swasta. Peraturan dan undang-undang yang telah dikuatkuasakan bagi melaksanakan Dasar Ekonomi Baru mengenai bidang swasta, perlulah diperkemaskan supaya dasar ini dapat diselenggarakan, sejajar dengan semangat dan prinsipnya.

14. Bagi mencapai hasrat dan matlamat ini, Kerajaan Pusat akan mengambil langkah-langkah tertentu bagi memperkukuhkan lagi jentera pentadbirannya, supaya penyelarasan dan kerjasama yang rapat dapat diwujudkan di peringkat Pusat dan Negeri, khasnya jabatan dan pejabat yang ada hubungan dengan pihak swasta luar negeri, yang melibatkan kemajuan ekonomi negara.

Saudara-saudara sekalian,

15. Kejayaan Rancangan Malaysia Ketiga bergantung kepada usaha yang kita jalankan bagi menentukan bahawa kedua-dua pihak ~~awam~~ - *awam* dan swasta, akan berkembang. Tanggungjawab yang besar terletak di atas peranan perkhidmatan awam bagi menjalankan tugas dan kewajipan mereka dengan cekap dan berkesan. Kerajaan tidak akan mengabaikan tanggungjawabnya ~~bagi~~ *dan* sentiasa menjamin yang jentera pentadbiran ~~ini~~ digerakkan sepenuhnya bagi mencapai matlamat ini.

16. Dari itu saya sukalah menyeru kepada semua pihak yang terlibat dalam pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketiga ini, samada wakil Rakyat, Ahli Dewan Undangan Negeri, Pegawai Pentadbir dan kakitangan Kerajaan, supaya menyinsing lengan dan "pull ^{up} your socks", siap sedia memikul tanggungjawab yang berat ini.

Saudara-saudara sekalian,

17. Sebentar tadi saya telah menyatakan bahawa Kerajaan akan memberikan perhatian sewajarnya dalam menghadapi soal pertahanan dan keselamatan. Seperti yang kerap saya katakan bahawa sungguhpun tidak ada tanda-tanda yang menunjukkan kegiatan pengganas komunis atau ajen-ajen pertubuhan yang menyokongnya, mulai bergerak semula di pengkalan lama mereka ^{di Johor,} namun demikian keadaan keselamatan di negara kita ini perlu diawasi dengan rapi, dengan tujuan mencegah ~~perbuatan yang~~ menyokong musuh kita daripada bertapak dan menjalankan kegiatan jahat dan khianat itu.

...16/-

18. Kita mesti ingat bahawa Negeri Johor merupakan salah satu negeri di mana musuh mempunyai pengkalan yang kukuh semasa darurat dahulu.

19. Kita harus berhati-hati serta sentiasa mengawasi peristiwa dan kejadian buruk yang berlaku di masa itu. Juga keadaan yang berlaku dalam beberapa tahun kebelakangan ini di beberapa kawasan di utara Semenanjung, tidak akan berlaku di negeri ini yang boleh mengakibatkan gangguan kegiatan ekonomi.

20. Jika sekiranya agen-agen dan musuh negara dapat bertapak semula di Johor, saya bimbang ~~sekiranya ini terjadi~~, mereka akan dapat menyusup dan menetap panjang di seluruh Semenanjung Malaysia. ~~dan akan menghidupkan semula hubungan dengan agen-agen di Sarawak.~~ Itulah sebabnya kita mesti menentang dan menghapuskan kegiatan-kegiatan ini supaya usaha kita dalam aktiviti-aktiviti pembangunan dan ekonomi tidak akan terjejas. ~~Kita mesti putusakan rangkaian mereka itu.~~

21. Bagi maksud ini, perlulah kita memperkukuhkan sokongan dan kerjasama rakyat terhadap usaha-usaha Kerajaan serta menggembelingkan tenaga rakyat bagi menentang ancaman pengganas komunis samada militen mahupun subversif.

22. Saya sukalah supaya rakyat sentiasa diperingatkan mengenai bahaya kegiatan-kegiatan jahat anti-nasional dan subversif, agar mereka berwaspada setiap masa ~~agar setiap masa~~ dan sebarang kejadian yang disyaki dapat dilaporkan segera kepada pihak yang berkuasa. ~~dengan~~
~~segera.~~

Saudara-saudara sekalian,

23. Untuk mencapai kejayaan usaha kita dalam kedua-dua objektifⁱⁿⁱ/perly kita sentiasa menjaga nama baik dan imej Kerajaan. Kita harus sedar mengenai kedudukan kita dalam Kerajaan dan jentera pentadbiran,^{dan pada} ~~supaya~~ setiap masa dan ketika hendaklah menjalankan tugas kita dengan jujur, ikhlas dan bersih. Buktikan kepada rakyat, bahawa kita benar-benar berkhidmat ^{mereka} untuk kepentingan/bangsa dan negara dengan penuh dedikasi.

Terima Kasih

~~24. Dengan kata-kata ini saya dengan sukacitanya membukakan Majlis ini untuk pertanyaan.~~

~~Terimakasih.~~

--oo0oo--

KATAMINTA
LEMBAGA MENSEI



05

[Faint mirrored text from the reverse side of the page]

[Faint mirrored text from the reverse side of the page]

[Faint mirrored text from the reverse side of the page]

**PERKHIDMATAN
ARKIB PERDANA MENTERI**



No. Siri 182
No. Penerimaan 4/78

16/76
JUL 1978